

**Borang Permohonan Akses Data Peribadi**

1. Sebagai Subjek Data atau Orang Yang Berkaitan (seperti yang ditakrifkan di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010), anda boleh memohon akses kepada data peribadi Subjek Data yang disimpan oleh **PPB Group Berhad [No. Pendaftaran 196801000571 (8167-W)] ("Syarikat")**. Orang Yang Berkaitan adalah:
  - 1.1 ibu bapa, penjaga atau individu yang mempunyai tanggungjawab keibubapaan – bagi Subjek Data di bawah umur 18 tahun;
  - 1.2 individu yang dilantik oleh mahkamah untuk mengurus hal ehwal Subjek Data atau individu yang diberi kuasa secara bertulis oleh Subjek Data untuk bertindak bagi pihaknya – bagi Subjek Data yang tidak berupaya menguruskan hal ehwalnya sendiri; atau
  - 1.3 individu yang diberi kuasa secara bertulis untuk membuat permohonan bagi pihak Subjek Data.
2. Untuk tujuan pengesahan identiti, anda mungkin perlu memberikan salinan Kad Pengenalan (K/P), passport, surat kuasa daripada Subjek Data dan dokumen sokongan lain yang berkaitan seperti yang diperlukan oleh kami.
3. Syarikat mungkin akan mengenakan bayaran pemprosesan bagi permohonan ini.
  - 3.1. Jumlah bayaran bergantung kepada jenis permohonan dan sama ada anda memerlukan salinan data peribadi, seperti jadual di bawah:

No	Keterangan	Bayaran (RM)
(a)	Data peribadi (tidak termasuk data peribadi sensitif) dengan Salinan	10
(b)	Data peribadi (tidak termasuk data peribadi sensitif) tanpa salinan	2
(c)	Data peribadi sensitif dengan salinan	30
(d)	Data peribadi sensitif tanpa salinan	5

*Nota: Data peribadi sensitif termasuk maklumat berkaitan kesihatan Subjek Data, pendapat politik, kepercayaan agama atau kepercayaan lain seumpamanya, dan pelakuan atau dakwaan pelakuan sesuatu kesalahan.*

  - 3.2. Bayaran pemprosesan hendaklah dibayar kepada Syarikat mengikut arahan yang ditetapkan oleh Syarikat.
4. Kami mungkin tidak dapat memenuhi permohonan anda dalam keadaan tertentu, contohnya jika maklumat yang diberikan tidak mencukupi untuk mengesahkan data peribadi yang diminta, atau jika permohonan melibatkan data peribadi yang bersifat sulit dari segi komersial. Kami akan memaklumkan anda tentang sebarang keputusan yang dibuat oleh Syarikat.
5. Sila hantarkan semua borang yang lengkap kepada individu yang dinyatakan dalam notis perlindungan data peribadi kami ("**Individu Ditetapkan**").
6. Jika anda memerlukan bantuan berkenaan dengan borang ini, sila hubungi Individu Ditetapkan.

---

Sila tandakan (✓) salah satu pilihan berikut:

- Saya ingin mengakses data peribadi saya (Sila isi Seksyen 1, 3, 4 dan 5 dibawah)
- Saya adalah Individu Berkaitan dan ingin memohon akses kepada data peribadi Subjek Data (Sila isi Seksyen 2, 3, 4 dan 5)

**SEKSYEN 1: MAKLUMAT SUBJEK DATA**

Nama penuh seperti dalam Kad Pengenalan	
No. K/P atau Pasport <i>* Sila lampirkan salinan terkini</i>	
No. Telefon	
Alamat e-mel	

**SEKSYEN 2: MAKLUMAT ORANG YANG BERKAITAN**

Permohonan ini berdasarkan (sila tandakan (✓) salah satu pilihan berikut):

- Saya bertindak di bawah kuasa/mandat/Surat Kuasa Wakil Subjek Data
- Saya wakil sah Subjek Data
- Saya mempunyai Waran atau Perintah Mahkamah untuk mengakses data peribadi Subjek Data
- Saya pentadbir/ harta pusaka Subjek Data
- Lain-lain (sila nyatakan) \_\_\_\_\_

**Sila lampirkan dokumen-dokumen sokongan untuk membuktikan kuasa anda untuk mengakses data peribadi Subjek Data.**

Nama penuh seperti dalam Kad Pengenalan	
Hubungan Orang Yang Berkaitan dengan Subjek Data	
No. K/P atau Pasport <i>* Sila lampirkan salinan terkini</i>	
No. Telefon	
Alamat E-mel	

**SEKSYEN 3: DATA PERIBADI YANG DIMINTA**

--

\* Sila berikan penerangan dan butiran khusus mengenai data peribadi yang diminta. Penerangan yang tidak spesifik seperti 'semua data peribadi' mungkin menyebabkan kami tidak dapat memproses permohonan anda kerana ketidakupayaan kami untuk mengenal pasti data peribadi khusus yang diminta.

**SEKSYEN 4: BENTUK DATA PERIBADI YANG DIMINTA (TIDAK WAJIB)**

Saya ingin meminta data peribadi dalam bentuk berikut:

- Salinan cetak (hardcopy) (sila beri alamat surat menyurat):
- Salinan digital (softcopy/e-mel) (sila beri alamat e-mel):

**SEKSYEN 5: PENGISYTIHARAN OLEH SUBJEK DATA / ORANG YANG BERKAITAN**

Saya, \_\_\_\_\_ adalah [Subjek Data / Orang Yang Berkaitan] di atas dan memohon agar Syarikat memberikan saya salinan data peribadi berkaitan [saya / Subjek Data] seperti dinyatakan.

Saya mengesahkan bahawa semua maklumat dan dokumen yang diberikan adalah benar dan tepat.

Saya faham bahawa bayaran mungkin dikenakan. Saya faham bahawa Syarikat perlu mengesahkan identiti saya dan mungkin menghubungi saya untuk maklumat lanjut berhubung data peribadi yang diminta.

Saya juga faham bahawa data peribadi yang saya berikan akan diproses selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

Tandatangan:

Tarikh:

**SEKSYEN 6: UNTUK KEGUNAAN SYARIKAT SAHAJA**

BORANG DITERIMA Tarikh:		MAKLUM BALAS Tarikh:	
----------------------------	--	-------------------------	--

Catatan (jika ada):